

Kaji mansuh cukai tanah

BH. 23/2/2016 ms. 13

» Sarawak perlu dapat semula hak pungut duti setem daripada Pusat

Oleh Khalid Latip
bhnews@bh.com.my

► Sarikei

Kerajaan negeri meneliti pendekatan sesuai untuk memansuhkan cukai tanah sebagai langkah terkini membantu meringankan beban rakyat negeri ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem, berkata langkah itu dijangka memberi lebih kelebihan kepada kerajaan meneruskan agenda pembangunannya terutama di kawasan pedalaman negeri ini.

Bagaimanapun, katanya, sebelum pemansuhan cukai itu dilaksanakan, kerajaan negeri perlu mendapatkan semula hak untuk memungut hasil duti setem daripada Kerajaan Persekutuan.

Belunggu rakyat

“Pungutan cukai tanah membelunggu rakyat setiap tahun dan kita tidak mahu ia berterusan, justeru saya akan berbincang mengenai penurunan lebih banyak kuasa pentadbiran dengan Kerajaan Pusat, termasuk pungutan duti setem



Adenan menyaksikan tarian tradisional Melanau ketika Program Sejiwa Senada Peringkat Bahagian Sarikei, semalam.

[FOTO MOHD RADZI BUJANG/BH]

untuk tanah diserahkan semula kepada kerajaan negeri.

“Hasil duti setem sudah diambil oleh Kerajaan Pusat dan jika kita boleh meraih pendapatan hasil duti setem, maka cukai tanah boleh dihapuskan,” katanya kepada pemberita pada majlis perasmian Program Sejiwa Senada Peringkat Bahagian Sarikei, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amar Mohammad Asfia Awang Nassar; Menteri Pelancongan negeri, Datuk Amar

Abang Johari Openg; Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Datuk Amar Mohd Morshidi Abdul Ghani dan Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Promosi Pendidikan Teknikal), Datuk Len Talif Salleh.

Lebih 30,000 penduduk turut menghadiri majlis.

Rapat jurang pembangunan

Adenan berkata, langkah itu selaras dengan keperluan kerajaan negeri membangunkan negeri ini bagi merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar.

“Tanggungjawab membangunkan Sarawak bukan mudah, namun kita tidak pernah patah semangat dan akan meneruskan agenda pembangunan dirancang sebelum ini.

“Kerajaan negeri terus mempertahankan perpaduan, keharmonian dan kestabilan politik selain membina kekukuhan ekonomi,” katanya.

Pada majlis itu, Adenan turut meluluskan RM3.5 juta untuk memperbaiki Kompleks Sukan Sarikei yang usang dan RM4.5 juta bagi kerja memperbaiki jalan Sarikei-Tanjung Manis.